

29 AUG 1998

PBB-Keputusan/I

ABANG JOHARI MENANG PERTANDINGAN PEMILIHAN PBB

KUCHING, 29 Ogos (Bernama) -- Menteri Pembangunan Industri Datuk Abang Johari Tun Openg hari ini dilantik sebagai Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang baru dalam satu pertandingan sengit pada persidangan perwakilan tiga tahun sekali parti itu.

Beliau mendapat 373 undi berbanding Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Adenan Satem yang memperolehi 268 undi untuk mengambil alih tugas Timbalan Presiden bagi kerusi yang dikhaskan bagi bekas Parti Bumiputera yang telah bergabung dengan Parti Pesaka (Dayak) untuk menubuhkan PBB.

Penyandang, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang merupakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hanya mendapat 27 undi. Beliau memegang jawatan itu sejak 1986, selepas mengalahkan Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud.

Jawatan Timbalan Presiden yang dikhaskan untuk calon Parti Pesaka, dimenangi tanpa bertanding oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu.

Pertandingan bagi jawatan nombor dua dalam hirarki parti itu, telah menarik minat banyak tokoh politik dan pemerhati memandangkan pelbagai peristiwa yang timbul menjelang pemilihan itu.

Walaupun, pemilihan itu lebih merupakan hal keluarga, tetapi suasana dalam dewan mesyuarat Pusat Peranginan Santubong itu adalah tegang dengan pergerakan perwakilan dan pemerhati parti dikawal ketat.

Persidangan itu dirasmikan semalam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertandingan itu turut mendapat perhatian kerana para pemerhati merasakan keputusannya mencerminkan kepimpinan parti itu pada masa akan datang.

Adenan, yang menerima 32 pencalonan dikatakan mendapat sokongan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang beliau sendiri turut menang tanpa bertanding sebagai presiden parti oleh kesemua 62 bahagian PBB.

Abang Johari, yang mendapat 14 pencalonan dilaporkan sebagai berkata beliau mempunyai tugas yang mencabar kerana bukan sahaja akan berdepan dengan "kawan baik" tetapi juga "dalang" yang mempunyai kewangan yang kukuh.

Abdul Taib menafikan yang beliau menyokong Adenan dengan menyatakan bahawa beliau merupakan "sebagai bapa" dalam pertandingan antara dua orang kuat parti itu yang merupakan antara tiga orang yang dididik oleh beliau untuk mengambil alih teraju daripadanya.

Orang ketiga yang disebutkan oleh Abdul Taib ialah tokoh korporat dan anggota dewan undangan negeri Datuk Effendi Norwawi, yang memenangi satu daripada empat jawatan Naib Presiden bagi Parti Bumiputera dengan mendapat 393 undi.

Tiga lagi pemenang ialah Dr Sulaiman yang mendapat 602 undi, Datuk Leo Micheal Toyad (516 undi) dan Awang Tengah Ali Hassan (469 undi).

Jawatan bagi tiga Naib Presiden Parti Pesaka telah dimenangi tanpa bertanding oleh Menteri Perumahan Negeri Datuk Celestine Ujang, Micheal Manyin dan Datuk Stephen Wan Ulok.

Bagi 11 kerusi Parti Bumiputera dalam Majlis Tertinggi PBB, dimenangi oleh Datuk Datuk Mohd Ali Mahmud, Daud Abd Rahman, Mohd Naroden Majais, Talip Zulipilip, Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Dr Wahbi Junaidi, Senator Abdillah Abdul Rahim, Hamden Ahmad, Julaihi Narawi, Mohd Ghazali Kipli dan Aidan Wing.

Sembilan kerusi bagi Parti Pesaka dalam majlis itu dimenangi tanpa

bertanding oleh Alexander Nanta Linggi, Douglas Unggah Embah, Roland Sagah, John Nyigor, Dr Rundi anak Utom, Frederick Bayoi, Datuk Douglas Sullang anak Ganda, Benedict Bujang Tembak dan Micheal Lisa Kaya.

Sementara itu, Abang Johari ketika berucap sempena kemenangannya berkata beliau menganggap pertandingan itu sebagai "hal keluarga" dan Adenan sebagai "abangnya".

Katanya, memenangi jawatan timbalan presiden itu bermakna memikul tanggung jawab berat untuk meningkatkan standard ekonomi golongan Bumiputera di Sarawak.

Adenan pula ketika berucap menyeru para perwakilan memperkukuhkan perpaduan demi parti dan negeri.

Abdul Taib berkata pertandingan itu telah menunjukkan kematangan para perwakilan dan calon yang tidak menggunakan taktik kotor.

"Saya sungguh gembira politik wang tidak mempengaruhi kempen," katanya kepada pemberita.

-- BERNAMA
RDY OPP RHM